

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 12 HINGGA NO. 53)

27 OCT 2016

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **LAKSAMANA PERTAMA YB. HAJI
MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B)
[LUMUT]**

TARIKH : **27.10.2016 (KHAMIS)**

SOALAN : **12**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-

mengapa Graduan Orang Asli yang berpengalaman tidak dilantik menjawat jawatan sebagai Pengarah JOA di Negeri-Negeri yang ramai penduduk Orang Asli.

JAWAPAN:

Pelantikan ke Perkhidmatan Awam adalah tertakluk kepada dasar yang digunakan oleh Pihak Berkuasa Yang Melantik. Penempatan adalah berdasarkan kepada kelayakan yang bersesuaian, pengalaman dan komitmen dalam menjalankan tugas supaya sistem penyampaian perkhidmatan berkesan dan memberi impak secara keseluruhan kepada kumpulan sasar.